




KEMENTERIAN PENDIDIKAN
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI SARAWAK



MODUL KENYALANG CEMERLANG SPM 2023

KESUSASTERAAN MELAYU
KOMUNIKATIF

**SEKTOR
PEMBELAJARAN**

Tinta Bicara
Timbalan Pengarah
Sektor Pembelajaran



KEMENTERIAN PENDIDIKAN
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI SARAWAK

Salam Sejahtera,
Salam Menjangkau Pendidikan Negeri Sarawak
Salam Malaysia Madani
Fly Kenyalang Fly, Fly High

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah di atas terbitnya Modul Kenyalang Cemerlang SPM 2023 pada tahun ini. Sesungguhnya kerja buat yang dilaksanakan ini bukan hanya dari jabatan ini tetapi semua mereka yang terlibat khususnya guru-guru cemerlang, guru-guru pakar mata pelajaran dan guru-guru kanan mata pelajaran yang bertungkus lumus dalam memastikan Modul Kenyalang Cemerlang SPM 2023 ini disiapkan mengikut kualiti yang ditetapkan.

Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak telah mendapat maklum balas yang positif dari kalangan guru dan murid berkenaan Modul Kenyalang Cemerlang SPM 2022. Penggunaan modul tersebut sebagai instrumen persediaan sebelum murid menduduki SPM merupakan matlamat utama jabatan untuk meningkatkan kemajuan murid dan seterusnya meningkatkan peratusan layak sijil SPM yang telah meningkat pada tahun 2021 daripada 88.29% kepada 91.22% pada tahun 2022.

Saya percaya dengan terbitnya modul ini guru-guru dan murid-murid terutamanya calon SPM tahun 2023 dapat memanfaatkan modul ini sebagai modul rujukan dalam menjawab SPM nanti. Jabatan ini juga berharap Modul Kenyalang Cemerlang SPM dapat dikongsi bersama-sama dalam kalangan panitia mata pelajaran di seluruh negara khususnya dalam memahami teknik menjawab soalan pelbagai aras yang dikemukakan. Sebaiknya modul ini dapat dikongsi bersama bagi memastikan modul ini sentiasa meniti dari bibir ke bibir guru-guru di seluruh Malaysia.

Tahniah kepada para pegawai di Sektor Pembelajaran yang sama-sama menyelaras bagi memastikan modul ini dapat disiapkan dalam masa yang ditetapkan. Saya berharap dengan usaha gigih ini akan membuahkan hasil yang lebih baik lagi dalam kita menghitung hari menjelang SPM 2023 nanti.

**Selamat Maju Jaya,
Tingkatkan Prestasi untuk Pendidikan yang
Berkualiti**

Fly Kenyalang Fly, Fly High

Dr. LES ANAK MET
Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak



JADUAL SPESIFIKASI UJIAN (JSU) MODUL KENYALANG CEMERLANG

MATA PELAJARAN

: KESUSASTERAAN MELAYU KOMUNIKATIF

KOD KERTAS

: 2216/1

SET

3

No Soalan	Tajuk Genre	Huraian Konstruk yang ditaksir	KONSTRUK							Aras Kesukaran (Markah)			KBAT	
			K1	K2	K3	K4	K5	K6	K7					
BAHAGIAN A (STRUKTUR)										R	S	T		
1	Kasih Jualan (Pantun empat Kerat)	Jenis puisi dan 3 bentuk		/							4			
2	Sastera Epik : Hang Tuah Di Utus Ke Siam	2 nilai murni berserta contoh			/						4			
3	Novel Naratif Ogonshoto	2 latar masa berserta contoh					/				4			
4	Sajak wanita dan laut	2 gaya bahasa pengulangan berserta contoh				/					4			
5	Drama Mat Piah dan Mr. Blackway	2 pengajaran berserta contoh					/					4		
6	Sastera Hikayat : Hikayat Parang Puting	2 latar masyarakat berserta contoh					/				4			
7	Syair Bidasari	Maksud rangkap puisi				/						4		
8	Drama Anna	Kritikan sastera : 1 pandangan terhadap perwatakan dalam petikan drama					/						4	/
9	Cerpen Rindu Seorang Rafik	1 isu masyarakat berserta contoh						/				4		
10	Novel Naratif Ogonshoto	1 pola fikir berserta contoh						/					4	/
JUMLAH MARKAH			0	4	4	8	16	8	0		20	12	8	2
PERATUS MARKAH			0	10	10	20	40	20	0		50	30	20	20

No Soalan	Tajuk Genre	Huraian Konstruk yang ditaksir	KONSTRUK							Aras Kesukaran (Markah)			KBAT	
			K1	K2	K3	K4	K5	K6	K7					
BAHAGIAN B (ESEI)										R	S	T		
11.a)	Syair 100 Siti	a)	3 gaya bahasa berserta contoh		6						6			
11.b)		b)	2 pengajaran berserta contoh				6					6		
11.c)		c)	Asli : cipta 2 rangkap syair yang bertemakan pemimpin yang adil.							8			8	8
12.a)	Drama Mat Piah dan Mr. Blackway	a)	Pemindahan maklumat			4					4			
12.b)		b)	2 nilai murni berserta huraian					8				8		
12.c)		c)	Adaptasi- sambung petikan dialog drama yang panjangnya 6 dialog.							8			8	8
13.a)	Cerpen Perspektif	a)	Tema berserta huraian		4						4			
13.b)		b)	Kritikan sastera : 2 pandangan berserta huraian terhadap latar masyarakat dalam petikan.					8				8		
13.c)		c)	Adaptasi : sambung petikan cerpen yang panjangnya 80 hingga 100 patah perkataan.						8			8		8
14.a)	Sajak Kolek Bonda	a)	4 bentuk sajak					8			8			
14.b)		b)	1 unsur patriotisme berserta contoh						4			4		
14.c)		c)	Asli : Cipta sebuah sajak bertemakan jasa wanita yang panjangnya 12 hingga 15 baris							8			8	8
15.a)	Sastera Panji : Raden Puspa Kencana	a)	Pemindahan maklumat			4					4			
15.b)		b)	Kritikan Sastera : 2 sanjungan terhadap perwatakan Raden Menteri					8				8		
15.c)		c)	2 pola fikir pada watak Sang Nata							8			8	8
16.a)		a)	Pemindahan maklumat			4					4			
16.b)		b)	2 perwatakan Jeneral berserta contoh					8			8			

16.c)	Novel Naratif Ogonshoto	c)	Adaptasi : sambung petikan novel yang panjangnya 80 hingga 100 patah perkataan.							8			8	8
JUMLAH MARKAH				0	10	12	6	40	12	40	38	42	40	48
PERATUS MARKAH				0	8	10	5	33	10	33	32	35	33	40

ANALISIS

Konstruk	K1	K2	K3	K4	K5	K6	K7	UMLAH
Markah	0	4	4	8	16	8	0	40
	0	10	12	6	40	12	40	120

Aras Kesukaran	RENDAH	SEDERHANA	TINGGI
Bahagian Satu	20	12	8
	50	30	20
Bahagian Dua	38	42	40
	32	35	33

HURAIAN KONSTRUK KMK 2216

KONSTRUK	ASPEK DITAKSIR	HURAIAN
1	Mengetahui elemen-elemen dalam ksesuasteraan.	Konstruk ini mentaksir pengetahuan asas murid tentang pengertian istilah sastera dalam karya prosa dan puisi . Antara istilah sastera yang ditaksir ialah maksud, sinopsis, tema atau pemikiran, persoalan, binaan plot, teknik plot, watak dan perwatakan, gaya bahasa, nada, ciri prosa, bentuk puisi, nilai murni, pengajaran, latar, sudut pandangan, kritikan sastera dan pembangunan insan .
2	Mengetahui dan memahami elemen-elemen sastera dalam karya puisi	Konstruk ini mentaksir kebolehan murid mengetahui elemen-elemen sastera dalam karya puisi iaitu, maksud, tema, persoalan, gaya bahasa (simile, metafora, personifikasi, hiperbola, paradoks, perlambangan, asonansi, aliterasi, anafora, responsi, epifora, simplok, repitisi (kata, frasa, baris, rangkap) inversi, kata ganda, sinkope, peribahasa, bahasa asing, bahasa istana, bahasa arkaik, dialek), irama (puisi tradisional) atau nada (melankolik, patriotik, sinis, romantis, protes), bentuk puisi (rangkap, baris, perkataan, suku kata, rima akhir, kesimpulan bentuk), nilai murni, pengajaran, kritikan sastera (pandangan, sanjungan, saranan) .
3	Mengetahui dan memahami elemen-elemen sastera dalam karya prosa	Konstruk ini mentaksir kebolehan murid mengetahui elemen-elemen sastera dalam karya prosa iaitu sinopsis, tema atau pemikiran, persoalan, binaan plot (permulaan, perkembangan, klimaks, antiklimaks (penurunan) dan peleraian), teknik plot (dialog, pemerian, saspens, imbas muka, imbas kembali, monolog luaran, monolog dalaman, kejutan, konflik), watak dan perwatakan (utama, sampingan, antagonis dan protagonis), gaya bahasa (simile, metafora, personifikasi, hiperbola, paradoks, perlambangan, repitisi (kata, frasa, ayat) inversi, kata ganda, sinkope, peribahasa, bahasa asing, bahasa istana, bahasa arkaik, da dialek), ciri prosa, nilai murni, pengajaran, latar (tempat, masa, masyarakat), sudut pandangan (sudut pandangan orang pertama dan sudut pandangan orang ketiga) kritikan sastera (pandangan, sanjungan, saranan) .
4	Menganalisis elemen-elemen sastera dalam karya puisi	Konstruk ini mentaksir kebolehan murid menganalisis elemen-elemen sastera iaitu maksud, tema, persoalan, bentuk puisi, gaya bahasa, irama atau nada, nilai murni, pengajaran dan kritikan sastera .

	Menganalisis elemen-	Konstruk ini mentaksir kebolehan murid menganalisis elemen-elemen
--	----------------------	--

5	elemen sastra dalam karya prosa	sastra dalam karya prosa iaitu ciri prosa, sinopsis, tema atau pemikiran, persoalan, watak dan perwatakan, latar, binaan plot, teknik plot, gaya bahasa, sudut pandangan, nilai murni, pengajaran dan kritikan sastra.
6	Membangunkan nilai insan	Konstruk ini mentaksir kebolehan murid menilai elemen sahsiah, isu masyarakat dan isu kenegaraan dalam karya sastra.
7	Menghasilkan karya sastra.	Konstruk ini mentaksir kebolehan murid-murid menghasilkan (karya asli atau adaptasi) dan mempersembahkan karya sastra dalam pelbagai bentuk yang kreatif, menarik dan berkesan.

BAHAGIAN A

Soalan Struktur

1. Tetapi kata-kata itu, Sang Pelita pun
Gementar untuk mengucapkannya
Dibiarkan sahaja
Bayangnya leka atau bermuka-muka
- Menjadi helang mengepak-ngepak sayap
Meniru orang tua terbongkok-bongkok
Merungut atau berdekah-dekah
Menjelma atau menyelinap sementara

Dipetik daripada sajak *Aku Tidak Berani Berjanji*
karya Rosli K. Matari

Nyatakan **empat** bentuk sajak yang terdapat dalam petikan puisi di tersebut. [4 markah]

2. Sebermula maka Laksamana pun sampailah ke tempat perahu Jepun itu. Maka oleh Jepun itu dibedilnya. Maka kata Maharaja Setia, “Apa bicara orang kaya, kerana Jepun itu hendak membalas kematian temannya yang dibunuh itu rupanya?” Maka dibedilnya pula oleh Jepun itu akan Laksamana; Laksamana pun amarah lalu dibacanya pustakanya. Maka Maharaja Setia pun melanggar sebuah kulim Jepun itu. Maka dibedilnya pula oleh Jepun itu. Maka bedilnya itu pun tiada berbunyi lagi sehingga asapnya juga keluar. Maka segala Jepun itu pun hairan akan dirinya, maka lalu menghunus pedangnya hendak memarang Laksamana. Maka pedang itu jatuh pada tangannya. Maka perahu Jepun itu pun alahlah. Maka Laksamana pun melanggar sebuah lagi pada panglima itu. Maka Laksamana itu pun melompat naik dengan segala orangnya lalu mengamuk. Maka segala Jepun itu pun habis berterjunan ke air. Setelah itu maka segala Jepun itu pun alahlah.

Dipetik daripada Sastera Epik *Hang Tuah Diutus ke Siam*

Nyatakan **dua** ciri sastera epik berserta contoh yang terdapat dalam petikan prosa tradisional tersebut. [4 markah]

3. “Ayah berhentilah buat kerja yang sia-sia ini, ayah. Patung wayang yang ayah buat tu akan minta nyawa di akhirat kelak. Kerja ayah ni kerja dosa. Ayah dah tua. Dah tak patut lagi buat patung wayang tu. Ayah sepatutnya dah insaf dan taubat daripada kerja-kerja begini.”
- Pak Yasok benar-benar berasa terhiris akan kata-kata itu. Sepanjang hidupnya sebagai dalang wayang kulit, itulah penghinaan yang paling hina yang pernah diterimanya. Tok siak, pak lebai, dan imam masjid di kampungnya itu pun tak pernah menghina kerja-kerja seni Pak Yasok sebegitu rupa.

Dipetik daripada cerpen *Air Mata Dalang*
karya Rahimidin Zahari

Nyatakan **dua** pengajaran berserta contoh yang terdapat dalam petikan cerpen tersebut.

[4 markah]

4.

Segala maksiat ada di dunia,
Ikhtiarkan diri menjauhi dia.

Hukuman bagi orang berdosa,
Dengan tiada memandang bangsa.

Orang perempuan manusia juga,
Kehormatan dirinya wajib dijaga.

Dipetik daripada Gurindam *Beberapa Petua Hidup*
dalam antologi *Nilai Insan*

Nyatakan **dua** nilai murni berserta contoh yang terdapat dalam petikan puisi tradisional tersebut.
[4 markah]

5.

PETIKAN A

Jika berkunjung ke kampung nelayan, dia berpakaian seperti kebanyakan nelayan Ture. Jika ke pekan, dia berpakaian seperti orang kebanyakan. Jika ke pedalaman, dia hampir tidak memakai apa-apa.

Kenapa jeneral ke Ture dan turut menjadi umang-umang sepertinya? Gerutu pegawai itu. Kenapa tidak jadi paus biru sahaja, dan muncul sebentar di Selat Gareva, kemudian pergi berhambus ke hujung Pasifik, dan bunuh diri di pasir pantai Chile?

PETIKAN B

Jika berkunjung ke kampung nelayan, dia berpakaian seperti kebanyakan nelayan Ture. Jika ke pekan, dia berpakaian seperti orang kebanyakan. Jika ke pedalaman, dia hampir tidak memakai apa-apa.

Kenapa jeneral ke Ture dan turut menjadi umang-umang sepertinya? Gerutu pegawai itu. Kenapa tidak jadi paus biru sahaja, dan muncul sebentar di Selat Gareva, kemudian pergi berhambus ke hujung Pasifik, dan bunuh diri di pasir pantai Chile?

Dipetik daripada novel *Naratif Ogonshoto*
karya Anwar Ridhwan

Nyatakan **satu** perbandingan teknik plot berserta contoh daripada Petikan A dan Petikan B tersebut.

[4 markah]

6. MAT PIAH : Serangan Siam apa pula? Mana ada Siam di sini. Wat Siam adalah. Nun...di Jalan Burma! (*Muncungkan mulut menunjuk satu arah*).
- BLACKWAY: Itu bunyi meriam! Awak tak dengar ke? Sultan Abdullah sudah berpakat dengan Siam mahu sula saya! (*BLACKWAY ketakutan menutup muka sambil curi-curi melihat MAT PIAH dari celah-celah jari-jemarinya*).
- MAT PIAH: Bunyi meriam? Sultan Abdullah? Tuan merapu apa ni? Yang itu bunyi motor mat rempit, tuan oi! Mat rempit! Tahu?
- BLACKWAY: Mat rempit? Mat rempit bala tentera mana? Burma? Bugis?
- MAT PIAH : Bala tentera Burma, Bugis? Apa maksud, tuan? Mereka tu bala masyarakat. Bala!Bala! Bala! Tuan tahu bala?

Dipetik daripada drama *Mat Piah dan Mr. Blackway*
karya Mahizan Husain.

Nyatakan **dua** gaya bahasa berserta contoh dalam petikan drama tersebut. [4 markah]

7. Aku tidak mahu tersilap lagi. Aku ingin memohon maaf pada Rosa. Aku sudah terbiasa dan terlatih untuk menjadi seorang yang berterus terang. Aku punya amanah yang perlu disampaikan kepada setiap warga watanku. Aku hanya menyampaikan sesuatu yang benar. Lantas aku tidak pantas berkias dalam bicaraku. Sifat kewartawananku memilih fakta-fakta bila, di mana, siapa, mengapa, bagaimana dan apa dalam menyampaikan berita. Tidak cukup ruang untuk kuselitkan emosi buat penyedap cerita.

Dipetik daripada cerpen *Rindu Seorang Rafik*
karya Nisah Hj. Haron

Nyatakan sudut pandangan berserta **tiga** contoh dalam petikan cerpen tersebut. [4 markah]

8. Tiada berapa lama kemudian, tibalah Ken Tambohan diiringi oleh Ken Penglipur dan Ken Tadahan. Setibanya itu, ia terus menyembah dengan ketakutannya. Bersabda Permaisuri dengan marahnya, "Inilah pekerjaan orang celaka. Berkurung di dalam rumah. Sudah tujuh hari ia tiada datang bekerja. Fikir hatinya ia dapat menjadi suri. Tak sedar diri. Seperti si cebul hendak mencapai bulan."
- "Hai si celaka, tidakkah engkau tahu bahawa engkau ini orang tawanan? Patutkah engkau bersuamikan raja bangsawan? Engkau memang tiada menaruh perasaan malu. Adapun hatiku sangat sakit kepadamu."
- Ken Tambohan tidak berkata apa-apa. Ia hanya mengeluarkan lautan air mata. Bagi pihak Permaisuri pula, kemurkaannya menyala-nyala keluar dari dalam dadanya.

Dipetik daripada Sastera Panji : *Raden Puspa Kencana*

Jelaskan **satu** saranan nilai murni yang sepatutnya ada pada watak Permaisuri dalam petikan tersebut. [4 markah]

9.

MAK MUNAH (*dari kerusi rodanya, tangannya bergerak-gerak dan menggapai-gapai*): Anna! Anna! Engkau marah pada mak, Anna. Sampai hatimu tinggalkan mak, Zaki dan Tina. Ambillah Zaki, Anna. Mak dah tua, entah esok, entah lusa mak mati. Tak usah pergi, Anna. Tina kecil lagi, Anna. (*Tangannya masih mencari-cari tangan ANNA*). Maafkan mak, Anna. Kalau sebab mak hati engkau luka.

ANNA (*mengetap bibirnya, memegang tangan MAK MUNAH*): Tidak, mak. Biar Anna balik dulu. Mak tak salah apa-apa. Cuma saya dan Zaki. Itu saja. Cuma saya dan Zaki. (*Keduanya berpeluk-pelukan*). Saya cuma teringatkan ibu saya. Saya tak mahu saya jadi macam ibu saya.

MAK MUNAH: Tidak, Anna. Zaki sayangkan engkau.

Dipetik daripad drama *Anna*
karya Kemala

Nyatakan **satu** keperibadian unggul watak Mak Munah berserta contoh yang terdapat dalam petikan drama tersebut. [4 markah]

10.

Marilah kita tentang perobek angin musim sentosa
Hingga luluh sayapnya melayang
ke gurun-gurun yang saujana
Marilah kita lestarikan limpah rahmat
bernafaskan kasih luhur
Dengan jiwa paling bening tunduk dan syukur.

Dipetik daripada sajak *Mencintai Tanah Ini*
karya Lim Swee Tin

Nyatakan **satu** unsur patriotisme berserta contoh dalam petikan sajak tersebut. [4 markah]

BAHAGIAN B

Soalan Esei

11. Baca puisi di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya:

Seloka Kehilangan Adat Melayu

Aduhai resam, wahai adat!
Lembaga - di mana telah terpudat?

Wah, hilang adat lenyaplah bahasa!
Ghaib sepi tiada bersisa ...
Semakin mengerang senantiasanya,
Laksana dipagut tedung yang bisa!

Amboi, amboi, adat tiruan, resam terpaksa!
Umpama gajah menjadi rusa;
Oleh ragi campuran bangsa,
Adab tertib habis binasa!

Sayang! Sayang!
Merajuk ke manakah adat Melayu?
Laksana debu dipuput bayu!

Wallahuaklam!
Entahkan jatuh ke laut gerangan,
Disambar yu!

Munshi Sulaiman
Kalung Bunga, 2008
Dewan Bahasa dan Pustaka

- (a) Jelaskan **dua** unsur bunyi yang terdapat dalam seloka tersebut. [4 markah]
- (b) Huraikan **dua** saranan pengajaran yang terdapat dalam seloka tersebut. [8 markah]
- (c) Adaptasi maksud keseluruhan seloka tersebut menjadi **dua** rangkap pantun empat kerat. [8 markah]

12. Berdasarkan drama *Mat Piah dan Mr. Blackway* karya Mahizan Husain :

(MAT PIAH berada di atas beca, menunggu rezeki terakhirnya. Dari pintu besar hotel berjejeran keluar lelaki dan perempuan yang memakai pelbagai jenis pakaian beragam. Ada yang berpakaian drakula, pengemis, Robocop, puntianak, Frankenstein, lanun dan sebagainya. Mereka semua baru tamat menghadiri satu majlis makan malam yang bertemakan pakaian beragam. Ada antara peserta yang memakai pakaian beragam itu berbangsa Eropah. Mereka tertawa-tawa dan membuat bising seketika kerana separuh mabuk)

Dipetik daripada drama *Mat Piah dan Mr. Blackway*
karya Mahizan Husain

(a) Nyatakan **empat** jenis pakaian beragam yang terdapat dalam petikan drama tersebut. [4markah]

(b) Jelaskan **dua** persoalan yang terdapat dalam drama tersebut. [8 markah]

(MAT PIAH menjerit marah. BLACKWAY terkejut dan sekali lagi dia melatah)

BLACKWAY: *Oh, your mother!*

MAT PIAH: Perompak! Penyamun! Perampas! Pencopet! Pencabul!

(MAT PIAH baru sedar yang tadi BLACKWAY melatah).

MAT PIAH: Tadi tu kaulatah, ya? *(Membeliakkan matanya kepada BLACKWAY)*

karya Mahizan Husain

(c) Berdasarkan kreativiti anda, sambung skrip drama tersebut yang panjangnya **tidak kurang daripada enam dialog**. [8 markah]

13. Berdasarkan cerpen *Kami akan Mati, Lin* karya Seroja Theavy Balakrishnan:

Lin, betulkah kau sayang akan kami? Sekiranya engkau terlupa, biarlah aku mengingatkanmu. Dulu pernah kau puji kami sebagai sebuah hutan tropika yang membantu menyedut karbon dan gas-gas berbahaya akibat kesan rumah hijau serta penipisan ozon. Katamu, kami hebat kerana ubat AZT untuk pesakit HIV juga diambil daripada tubuh kami, warga batu karang. Katamu, kami antara ciptaan Tuhan yang istimewa kerana dapat hidup menjadi terumbu yang bermanfaat kepada semua warga dunia.

Dipetik daripada cerpen *Kami akan Mati, Lin*
karya Seroja Theavy Balakrishnan

(a) Nyatakan **dua** kelebihan terumbu karang berdasarkan petikan tersebut. [4 markah]

(b) Jelaskan **dua** saranan latar masyarakat yang terdapat dalam cerpen tersebut.[8 markah]

Lin, beginilah keadaan kami saban hari sekarang. Aku percaya laut sudah menjadi kawah kumuh segala kerakusan manusia dan kami mangsa-mangsa yang dipaksa menelan kotoran itu. Ini tidak adil, Lin. Kami bukan lalat atau lipas, kami bunga karang laut yang tidak bisa menelan daki dunia darat.

Pernah kaukatakan yang kes kami akan kaubawa ke meja seminar antarabangsa. Katamu, di situ akan kaukecam budaya hidup manusia moden yang suka mencemar dan membuang semua kotoran ke laut. Hendak engkau tentang penerokaan tanah hutan kerana tanah merah yang terhakis dari situ mengeruhkan biru laut. Hendak kautentang pembangunan najis ke laut yang busuknya setahun pelayaran. Kaumahu lanun-lanun yang mencuri karang-karang laut dari terumbu induk disumbat ke penjara seumur hidup mereka.

Dipetik daripada cerpen *Kami akan Mati, Lin*
karya Seroja Theavy Balakrishnan

(c) Huraikan **dua** isu masyarakat yang terdapat dalam petikan cerpen tersebut. [8 markah]

14. Berdasarkan Sastera Hikayat, *Hikayat Parang Putting* :

Maka bondanya pun memanggil seorang hulubalang naga pergi mengikut budak itu seraya katanya, "Apakala engkau bertemu dengan budak itu, maka hendaklah engkau berikan tongkat kesaktian ini kepadanya, maka engkau pintalah cincin itu dengan baiknya dan janganlah pula engkau perbuat huru-hara akan budak itu dan jikalau engkau perbuat huru-hara akan budak itu aku sumpah akan engkau ini."

Dipetik daripada Sastera Hikayat, *Budak Miskin Mendapat Parang Putting*.

(a) Nyatakan **dua** arahan bonda naga kepada hulubalang naga. [4 markah]

(b) Jelaskan **dua** nilai murni yang terdapat dalam Sastera Hikayat tersebut. [8 markah]

Watak	Peristiwa
Budak Miskin	Budak miskin bermain-main dan makan bersama-sama dengan anak ular naga, anak tikus dan anak helang.
	Budak miskin mencari anak ular naga yang hilang di dalam hutan

(c) Berdasarkan kreativiti anda, adaptasi peristiwa perwatakan budak miskin tersebut kepada dua rangkap syair. [8 markah]

15. Berdasarkan novel *Naratif Ogonshoto* karya Anwar Ridhwan, Sasterwan Negara :

Tiba-tiba dia melihat ada sesuatu sedang bergerak dalam air, menuju ke arahnya. Hatinya berdebar-debar. Dia tahu, itu penyu. Tetapi ukurannya luar biasa. Penyu raksasa hijau lumut kehitam-hitaman itu terus berenang tenang, lalu menyusup betul-betul di bawah sampan cadiknya. Penyu itu melintas dari sisi kiri ke sisi kanan, berenang tidak peduli, seakan-akan sebuah kereta Mercedes-Benz paling besar berwarna hijau lumut sedang hanyut tepat di bawah sampan cadiknya.

Dipetik daripada novel *Naratif Ogonshoto*
karya Anwar Ridhwan

(a) Nyatakan **dua** peristiwa yang telah dilihat oleh 'dia' berdasarkan petikan novel tersebut. [4 markah]

(b) Huraikan **dua** perwatakan Nakhoda yang terdapat dalam novel tersebut. [8 markah]

(c) Berdasarkan kreativiti anda, sambung petikan novel tersebut supaya menjadi sebuah cerita yang menarik. Panjang cerita hendaklah **antara 80 hingga 100 patah perkataan**. [8 markah]

16. Baca puisi di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya:

Kata Bukit Kepada Jentolak

Kata bukit kepada jentolak:

Barangkali kau tidak pernah tahu
bukit ini pernah hingar dengan dentuman peluru
di sini, sejarah pernah mencatat sengketa
kuasa melapah rasa kasih dua saudara
hari ini kau datang dengan hingar deruman
mahu kau kuburkan sejarah itu?

Kata jentolak kepada bukit:

Memang aku tidak tahu
malah, tak ingin ambil tahu
aku menderum kerana wang!

Kata bukit kepada jentolak:

Barangkali kau tidak tahu
aku ialah pasak kekuatan
manusia salah kerana berseteru dengan alam
lihat tanahku yang menggelongsor
lihat dada asphalt yang kotor
hari ini kau datang dengan rakus cakaran
mahu kau tanamkan asphalt itu?

Kata jentolak kepada bukit:

Memang aku tidak tahu
malah, tak ingin ambil tahu
aku menderum kerana wang.

(19 Mei 2009)
Mohd Faizal Said
Pohon Tradisi, 2012
Gapeniaga Sdn. Bhd.

- (a) Jelaskan **tema** terdapat sajak tersebut. [4 markah]
- (b) Nyatakan **empat** gaya bahasa pengulangan berserta contoh yang terdapat dalam sajak tersebut. [8 markah]
- (c) Cipta sebuah sajak yang bertemakan **keindahan alam**. Panjangnya sajak hendaklah antara **12 hingga 15 baris**. [8 markah]

BAHAGIAN A
Soalan Struktur

1.

Bidal Melayu sedia berkata:
“Nak kaya berdikit-dikit,
Nak ramai bertabur urai”;
Masa mewah ramai, sudah papa keseorangan.

Dipetik daripada *Seloka Boros dan Jimat*
dalam antologi Nilai Insan

Nyatakan **dua** unsur bunyi berserta contoh yang terdapat dalam petikan tersebut. [4 markah]

2.

“Averah juga akan tinggalkan abah suatu hari nanti.”
“Bukan meninggalkan abah tetapi lelaki itu akan menggantikan tempat abah, menjaga dan mengasihi. Tanggungjawab ke atas Averah akan terlepas. Kasih sayang abah akan terus menghantar Averah untuk pulang menemani sunyi abah. Averah janji, abah!”
“Doktor muda macam Averah tentu sentiasa sibuk.”
“Averah sudah memohon untuk bertugas di tempat paling hampir dengan kampung kita supaya dekat dengan abah,” kata aku melenyapkan kebimbangan abah.
Aku tidak pernah menyesal kerana menolak tawaran belajar di luar negara dan memilih universiti tempatan untuk menyambung cita-cita menjadi doktor seperti Along.

Dipetik daripada cerpen *Gulai Sembilang untuk Abah*
karya Fauziah Mohd Ismail

Berikan **dua** teknik plot berserta contoh yang terdapat dalam petikan cerpen tersebut. [4 markah]

3.

BABAK KETIGA

DR. CHAN (tenang): Helo Zaki, helo Puan Zaki.
ZAKI: Oh, Dr. Chan. Bagaimana kautahu?
DR. CHAN: Saya ke rumah. Ibumu bilang engkau ke airport. Ada hal penting katanya. Dan dia minta saya bawa sama.
ZAKI: Tina pun bersama?
DR. CHAN: Ya, kedua-duanya di dalam kereta. (ZAKI dengan cepat meninggalkan ANNA dan DR. CHAN).

Dipetik daripada drama *Anna*
karya Kemala

Nyatakan **dua** ciri drama berserta contoh yang terdapat dalam petikan tersebut. [4 markah]

4. Setelah raja naga itu mendengar kata anak miskin itu, maka datanglah belas dalam hatinya akan budak itu seraya katanya, “ Baiklah, kerana engkau sudah kuambil jadi cucu kepada aku dan jilakau lain daripada engkau tiadalah aku berikan cincinku ini. Adapun akan gunanya cincin ini terlalulah amat kesaktiannya. Jikalau ada seribu orang sekalipun cucuku hendak beri makan dengan seketika itu juga keluarlah hidangannya itu dengan berbagai-bagai rupanya.”

Setelah sudah ia berkata-kata itu maka raja naga itu pun memberikan cincin itu kepada budak miskin itu. Maka segera disambut oleh budak itu akan cincin itu seraya ia menyembah kepada raja naga itu.

Dipetik daripada Sastera Hikayat,
Budak Miskin Mendapat Cincin Hikmat

Nyatakan **dua** perwatakan raja naga berserta contoh dalam petikan prosa tradisional tersebut. [4 markah]

5. Lelaki tinggi berpakaian serba putih itu masuk ke perut perahu tanpa lengah. Setelah semuanya telah duduk, nakhoda menolak perahu ke air, melompat masuk ke dalam lalu mendayung perahu itu ke arah bahtera yang tampak legam seperti pulau besar yang sedang terapung. Dua wanita dan dua lelaki itu penumpang akhirnya, fikir nakhoda. Walau apa pun latar belakang mereka, mereka wajar diselamatkan daripada malapetaka yang bakal terjadi.

“Kamu bertiga,” suara nakhoda, ditunjukkan kepada mereka bertiga berpenyakitan itu, “akan saya tempatkan di buritan geledak. Anak-anak kapal akan menjaga kamu. Semoga penyakit kalian akan sembuh. Segera. Makanan yang sesuai akan dihidangkan tiga kali sehari. Hanya, maaf, masakan itu tentunya tidak seenak hidangan di istana Presiden.

“Mungkin aku boleh membantu di dapur,” tiba-tiba lelaki berpakaian serba putih itu bersuara. “Aku ini ketua tukang masak ...”

Dipetik daripada novel *Naratif Ogonshoto*
karya Anwar Ridhwan

Nyatakan **dua** nilai murni berserta contoh yang terdapat dalam petikan novel tersebut. [4 markah]

6. Dia tidak pernah pergi ke New York, Paris, atau London. Namun, dia tahu Kota Sibolga tentunya tidak seperti New York, Paris atau London. Hotel Wisata Indah hanya sementara baginya. Apabila dia dapat menemui destinasi, dia akan tinggalkan Kota Sibolga, akan pergi ke mana-mana sahaja destinasi itu. Semasa bertolak dari Medan ke Permatang Siantar, dia bertembung dengan anak-anak muda yang memegang dan menadah bakul memohon derma di jalanan untuk membina masjid. Hatinya tergores tetapi jiwanya kembang menghadapi situasi itu. Dia terus berjalan lagi. Semasa merentasi Tanah Saribo, hatinya tergores lagi tetapi jiwanya kecut dan beku. Tugu-tugu perkuburan bertaburan di atas bumi. Dia takut melihat tugu-tugu perkuburan itu kerana dalam agamanya, kesemua itu tidak ada.

Dipetik daripada cerpen *Profesor Sufi*,
karya A. Rahmad

Nyatakan **dua** latar tempat berserta contoh dalam petikan cerpen tersebut. [4 markah]

7. Beberapa saat lagi cahaya akhir matahari hari itu akan berakhir. Pemuda Banaba itu, sambil menahan kesakitan dalam kebingungan, sempat mengerling semak-semak berwarna hijau tua dan kecoklatan, sedang bergoyang-goyangan, barangkali ditiup angin. Sejak dari kaki gunung, hingga ke pinggang gunung, sudah beberapa kali dia terlihat semak-semak bergoyang-goyangan. Tatkala gunung berapi Gora-Gora diam kaku, pohonan tidak bergerak dan batu-batu membantu atas tanah, semak-semak bergoyang-goyangan itu seperti sapuan berus yang hidup di tengah-tengah pemandangan alam yang kaku dan mulai gelap.

Dalam remang itu Presiden tiba-tiba muncul di sisinya, lalu melepaskan das keempat. Tembakan itu menghancurkan tapak tangan kanannya.

Dipetik daripada novel *Naratif Ogonshoto*
karya Anwar Ridhwan

Berikan **satu** persoalan berserta contoh yang terdapat dalam petikan tersebut. [4 markah]

8. Ketika mereka tiba, Pak Tua
jaga bicara; kolek bonda
pintanya biar dijaga, jangan dijaja
kerana jati, merbau dan sutera
penahan gelora.

Ketika mereka keras meminta
Pak Tua
semburkan dinding kolek
dengan warna
semolek. Pak Tua kukuhkan
lantai kolek
dengan meranti sekelek. Dan
berkata tenang,
kolek bonda tahan gelombang
kolek bonda mampu menyeberang.

Dipetik daripada sajak *Kolek Bonda*
karya Aminah Mokhtar

Berikan **satu** sanjungan terhadap persoalan berserta contoh yang terdapat dalam petikan sajak tersebut. [4 markah]

9.

Sebagai seorang manusia, saya lebih berkeinginan untuk menghayati dan mengalami dunia tasawuf itu. Saya tidak mahu bergelumang dengan nafsu amarah. Kalau boleh sebagai seorang insan, saya mahu merasai darjat kemanusiaan yang disebut sebagai ahli mulhamah atau mutmainnah. Bahkan saya berkeinginan untuk tenggelam dalam dunia radhiah, dunia mardhiah. Kalau diizinkan Tuhan, saya mahu sampai ke tahap insan kamil. Peringkat seseorang insan itu telah fana dirinya sehingga dia berasa bersatu dengan Tuhan, seperti mana Hussain Mansur al-Halaj, walaupun dia terpaksa dibunuh. Sebab itu saya datang ke sini. Di sana saya tidak tahu di mana saya akan peroleh apa-apa yang saya mahukan ini. Boleh profesor tunjukkan tempatnya?" Anak muda itu beristighfar beberapa kali di dalam hatinya. Dia takut kata-katanya itu mempunyai tanda-tanda riak atau takbur.

Dipetik daripada cerpen *Profesor Sufi*
karya A. Rahmad

Nyatakan **dua** unsur keagamaan berserta contoh dalam petikan cerpen tersebut. [4 markah]

10.

Setelah itu tibalah masanya bagi Sang Nata memberi hukuman kepada Permaisuri dan Pelebaya pula. Maka diperintahkanlah Permaisuri duduk di luar istana untuk menjaga anjing perburuan. Kemudian dititahkan pula bunuh Pelebaya serta dibakar rumahya sekali.

Dipetik daripada Sastera Panji
dalam antologi *Nilai Insan*

Nyatakan **satu** ciri kepemimpinan berserta contoh dalam petikan puisi tradisional tersebut. [4 markah]

BAHAGIAN B

Soalan Esei

11. Baca pantun di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya:

Nilai Insan (Pantun Enam Kerat)

Bawa denak bersangkar rotan,
Di dalam semak sangkut di dahan,
Dahan sedepa tempat gantungan;
Nilai anak kerana ketaatan,
Nilai emak kerana asuhan,
Nilai bapa kerana tanggungan.

Menjelang senja ke Kampung Panggas,
Mencari halia di dalam huma,
Untuk dicampurkan dalam adunan;
Nilai pekerja jalani tugas,
Nilai penyelia adil saksama,
Nilai majikan penuh keihisanan.

Pohon kuini di tepi pinggiran,
Tempat terkinja si anak rusa,
Pemburu mengepung sorak melolong;
Nilai penghuni mesra berjiran,
Nilai ketua bertimbang rasa,
Nilai sekampung tolong-menolong.

Hujan sereyat di tengah hari,
Menjemur lampin pinggir kawasan,
Baju kemeja dijemur sama;
Nilai rakyat beretika tinggi,
Nilai pemimpin ada wawasan,
Nilai raja berbudaya agama.

Abdul Halir 'R'
Puisi Melayu Tradisional, 2012
Pekan Ilmu Publications Sdn. Bhd.

(a) Nyatakan **dua** gaya bahasa berserta contoh yang terdapat dalam pantun tersebut.

[4 markah]

(b) Jelaskan **dua** ciri kepemimpinan yang terdapat dalam pantun tersebut. [8 markah]

(c) Adaptasi nilai murni yang terdapat dalam pantun tersebut kepada sebuah sajak yang menarik. Panjangnya sajak hendaklah **antara 12 hingga 15 baris**. [8 markah]

12. Berdasarkan cerpen *Bukit Emas* karya Mufidah Hanum Yusuf, jawab soalan-soalan berikut:

Sahat semakin diusik perasaan bersalah dan kesal apabila terdengar suara orang membaca surah Yasin ketika berdiri di pintu rumah Penghulu Sudin. Kelihatan Mak Senah, isteri Penghulu Sudin dan Jamilah, anak tunggal Penghulu Sudin mengesat air mata masing-masing menghadap Penghulu Sudin yang berbaring di atas katil. Beberapa orang kampung termasuk Imam Haji Ali dan Bilal Haji Amid cuba mengangkat Penghulu Sudin yang tercungap-cungap ke atas usungan untuk dibawa ke dalam ambulans dan seterusnya dihantar ke hospital. Sahat, Tahot, dan Ayub turut membantu mengangkat Penghulu Sudin yang badannya gempal.

Dipetik daripada cerpen *Bukit Emas*
karya Mufidah Hanum Yusuf

- (a) Nyatakan nama **empat** orang penduduk kampung yang membantu mengangkat Penghulu Sudin untuk di hantar ke hospital berdasarkan petikan cerpen tersebut. [4 markah]
- (b) Huraikan **dua** nilai murni yang terdapat dalam keseluruhan cerpen tersebut. [8 markah]
- (c) Dengan menggunakan kreativiti anda, sambung petikan cerpen di bawah menjadi sebuah cerita menarik. Panjang cerita hendaklah **antara 80 hingga 100 patah perkataan**. [8 markah]

"Penghulu Sudin!"
"Kenapa dengan Penghulu Sudin?" Sahat dan Tahot serentak melontarkan soalan kepada Ayub yang nafasnya masih turun naik dan tercungap-cungap.

13. Baca puisi di bawah, jawab soalan-soalan berikut:

Suara Pedih daripada Anak Penghuni Sungai

Aku pernah diajar
memahami gerak air sungai
yang mengalir dari hulu
ke muara
lantas memahami kelibat
warga sungai
yang berkeliaran mengejar
fitrah Ilahi.
Aku juga mengerti riak air,
tenang disangka
tiada biawak, keruh disangka
tiada halilintar
mengamuk di empat penjuru alam
hinggakan pusaran angin tengkujuh
terbelenggu antara hempasan air
dengan lingkaran waktu yang berdetik
sehingga burung belibis
termenung duka di penjuru
dahan mati.

Aku tetap memahami
rasa hati jiwa penunggu musim
harapan tetap diabadikan
Tuhan jua yang menentukan
adakala bangsaku bernyawa ikan
tercungap-cungap
di tepi tebing waktu.

Aku adakala terlalu asyik
merenung sengketa
yang tidak kesudahan
di bumi dan di langit.
Duka yang sering hadir
terpaksa dikendong
sepanjang hayat.

(Kuala Kubu Baharu)
Naapie Mat
Dewan Sastera, Julai 2012
Dewan Bahasa dan Pustaka

- (a) Jelaskan tema sajak. [4 markah]
- (b) Huraikan **empat** gaya bahasa. [8 markah]
- (c) Berdasarkan kreativiti anda, cipta sebuah sajak yang bertemakan **kegigihan**. Panjangnya sajak hendaklah **antara 12 hingga 15 baris**. [8 markah]

14. Berdasarkan *Sastera Epik Hang Tuah Diutus ke Siam*, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Sebermula Si Jepun yang bertujuh itu pun terlalu amarah serta katanya, “Cih, tiada berbudi Melayu ini! Ia hendak menunjukkan beraninya kepadaku,” lalu ia menghunus pedangnya lalu diparangnya segala hulubalang yang di hadapan itu. Maka gemparlah segala oban dan okun, aprak, amum-amum pun habis berterjunan di balairung itu. Maka maksud Jepun itu hendak membunuh Phra Cau; Phra Cau itu pun segera masuk ke istana. Seketika lagi maka Jepun itu pun keluar, lalu ia mengamuk di tengah pesara itu. Maka Laksamana pun lalu menyingsing kainnya lalu keluar dengan segala orangnya mendapatkan Jepun itu.

Dipetik daripada *Sastera Epik,
Hang Tuah Diutus ke Siam*

- (a) Nyatakan **dua** gelaran pembesar Siam dalam petikan prosa tersebut. [4 markah]
- (b) Jelaskan **dua** sanjungan perwatakan Phra Cau dalam prosa tradisional tersebut. [8 markah]
- (c) Huraikan **dua** isu masyarakat dalam prosa tradisional tersebut. [8 markah]

15. Berdasarkan drama *Anna* karya Kemala, jawab soalan-soalan berikut:

SUARA GHAIB THOMAS CARPENTAR: Engkau akan tahu nanti, mereka tak sama seperti kita. Aku kira Zaki lebih setia kepada ibunya daripada engkau sendiri. Engkau akan ke tepi. Demikianlah manusia Timur. Cintanya terhadap ibu dan saudaranya lebih daripada manusia Barat. Kita hidup atas kekuatan sendiri-sendiri, tetapi mereka bekerjasama, bergotong-royong itulah falsafah hidupnya. Engkau akan tahu nanti, sayang. Waktu itu engkau akan kehabisan air mata. Engkau tak akan sebulu dengan mereka. Ibumu, ibumu sendiri menjadi korban kekejaman mereka sebab berkahwin denganku. Ah, tak sampai hatiku melepaskan engkau pula ke tangannya! Tetapi, engkau sendiri berdegil. Apa yang dapat kubuat, sayang, selain melepaskan engkau dengan perasaan berat dan dukacita seorang ayah. Tapi, biarlah engkau akan pulang juga kepadaku, akhirnya

Dipetik daripada drama *Anna*
karya Kemala

- (a) Nyatakan **dua** latar masyarakat berserta contoh yang terdapat dalam petikan drama tersebut.
[4 markah]
- (b) Jelaskan **dua** pandangan terhadap perwatakan Dr. Chan yang terdapat dalam drama.
[8 markah]

Watak	Perwatakan
Mak Munah	Seorang yang penyayang
	Seorang yang bertanggungjawab.
	Seorang yang gigih.
	Seorang yang sanggup berkorban.

- (c) Berdasarkan kreativiti anda, adaptasi perwatakan Mak Munah kepada dua rangkap syair.
[8 markah]

16. Berdasarkan novel *Naratif Ogonshoto* karya Anwar Ridhwan:

Menurut penduduk Aitu, lelaki tua yang gemar menyelam itu merupakan satu-satunya resi yang mereka kenal. Konon, ujar mereka, ada sejumlah resi di seluruh Ogonshoto. Ada yang bertapa di dalam gua gelap. Ada yang menyendiri di sela-sela batu lereng gunung. Ada yang berkumpul di hutan-hutan, menjungkir-balik tubuh di dahan pohonan, macam keluang. Akan tetapi penduduk Aitu belum pernah melihat resi yang lain, kecuali lelaki tua yang gemar menyelam itulah.

Dipetik daripada novel *Naratif Ogonshoto*
karya Anwar Ridhwan

(a) Nyatakan **empat** perkara yang dilakukan oleh resi di Ogonshoto. [4 markah]

Soalan b dan c berpandukan petikan di bawah:

Telah dilatih untuk menepati masa, jeneral tiba di restoran itu tiga puluh minit selepas matahari terbenam. Dia memakai seluar warna kelabu. Baju kemeja longgar bergambar beberapa ekor paus biru membungkus tubuh sasanya. Sepucuk pistol bersadur emas diselitkan di pinggangnya, ditutup kemeja longgar biru sebam itu. Sebagai bekas tentera berpangkat tinggi dia dibenarkan memiliki pistol dan dua puluh lima butir peluru pada satu-satu masa. Dia tidak memikirkan untuk menggunakan pistol itu lagi, tetapi menyimpannya kerana diberi keistimewaan oleh pemerintah. Kemudian dia sendiri menyedari betapa cocoknya memiliki pistol itu setelah bertahun-tahun memegang senjata. Bekas jeneral tanpa senjata, sebagaimana yang pernah dikatakan kepada isterinya, samalah seperti laut tanpa ikan, Ogonshoto tanpa gunung berapi dan peti undi tanpa kertas undi di dalamnya.

Lima belas minit kemudian pegawai kanan pemerintahan provinsi itu pula tiba. Dia memakai seluar hitam dan kemeja putih.

“Rupa-rupanya saya terlambat,” katanya sambil bersalaman dengan jeneral.

“Memang agak lambat,” jawab jeneral. “Tapi wakil belum sampai lagi.”

Dipetik daripada novel *Naratif Ogonshoto*
karya Anwar Ridhwan

(b) Huraikan **dua** nilai murni yang terdapat dalam petikan novel tersebut. [8 markah]

(c) Berdasarkan kreativiti anda, sambung petikan novel tersebut supaya menjadi sebuah cerita yang menarik. Panjangnya sambungan petikan novel hendaklah **antara 80 hingga 100 patah perkataan**. [8 markah]

BAHAGIAN A
Soalan Struktur

1.

Pasang panjut keliling rumah,
Bunga api di tengah laman;
Bukan kedekut, bukannya lemah,
Cumanya hati belum berkenan.

Dari Medan ke Sibolga,
Padi di Langkat bawa ke Deli;
Kasih bukan barang berniaga,
Hati tak dapat dijual beli.

Dipetik daripada Puisi Tradisional dalam antologi *Nilai Insan*

(a) Apakah jenis puisi tersebut?

[1 markah]

(b) Senaraikan **tiga** bentuk puisi tersebut.

[3 markah]

2.

Maka surat itu pun dibaca oranglah. Setelah sudah, maka titah Phra Cau, "Hai Oya Bagelang, panggil mari utusan itu hampir kita ini!" Laksamana pun serta menyembah. Maka titah Phra Cau, "Hai Laksamana, jangankan empat ekor Raja Melaka hendakkan gajah, jika empat puluh sekalipun kita beri!" Maka sembah Laksamana, "Daulat tuanku." Maka Phra Cau pun hairan melihat sikap Laksamana dan tahu berkata-kata cara Siam dengan fasih lidahnya dan manis suaranya, Maka raja pun terlalu amat kurnia akan Laksamana dan dipersalin cara Siam. Setelah itu maka Phra Cau pun berangkat masuk. Maka Laksamana dan Oya Bagelang pun kembali.

Dipetik daripada Sastera Epik
Hang Tuah Diutus ke Siam

Nyatakan **dua** nilai murni berserta contoh dalam petikan prosa tradisional tersebut. [4 markah]

3.

Dua puluh hari berlalu pula. Soalan-soalan baharu tanpa jawapan pun menyusul. Mampukah dia bertahan, setelah hanyut di lautan selama enam puluh hari seorang diri? Andainya dia masih hidup, kenapakah tidak mengirim khabar berita?

Malam itu ibunya bermimpi aneh. Sejak itu ibunya enggan menyoal apa-apa lagi.

Perempuan tua itu bermimpi seekor camar terbang lesu di bawah bebola matahari yang sedang menyingsing turun ke dalam lautan. Semakin lama, camar dan bebola matahari itu semakin terbenam ke lantai samudera pagi. Biru air samudera bertukar warna merah api.

Keesokan pagi, setelah ibunya menceritakan mimpi aneh itu, ahli keluarganya bersiap-siap untuk pergi ke sebuah gereja kecil di Banaba. Sudah tibalah ketikanya roh pemuda itu diingati. Ke sanalah mereka, juga pemuda itu sebelum hilang, setiap pagi hari minggu, atau jika berlangsung acara-acara keagamaan yang lain.

Dipetik daripada novel *Naratif Ogonshoto*,
oleh Anwar Ridhwan

Nyatakan **dua** latar masa berserta contoh dalam petikan novel tersebut.

[4 markah]

4.

Dan
Indah bertentangan wajah
Kerap memeram, resah tersembunyi
Memerap misteri.

Wanita, laut itu indah
Bersuara lantang dalam bisu
Diam berkaca dalam bicara
Adakala tak tertafsir erti
Adakala gah mengulum gua sepi.

Dipetik daripada sajak *Wanita dan Laut*
karya Mahaya Mohd. Yassin

Nyatakan **dua** gaya bahasa pengulangan berserta contoh dalam petikan sajak tersebut.

[4 markah]

5. BLACKWAY: Saya minta ampun, minta maaf kepada semua orang Melayu. Pada semua orang *Puloo* Pinang. Memang kami penipu, penindas, penyamun. Saya sendiri malu dengan apa-apa yang pernah kami lakukan dulu. Memang kami bangsa kejam dan haloba. Apabila ingat semua hal yang pernah saya lakukan dengan Light dulu, saya rasa macam mahu amuk!

Dipetik daripada drama *Mat piah dan Mr. Blackway*
karya Mahizan Husain

Berikan **dua** pengajaran berserta contoh yang terdapat dalam petikan drama tersebut.

[4 markah]

6. Maka adalah pada suatu hari ia berfikir, "Jika demikian, baiklah aku pergi berkaul ke Pulau Cahaya Purnama itu, aku pinta kepada Dewata Mulia Raya, jikalau ada belas dan kasihan dewa-dewa itu kepada aku, mudah-mudahan aku beroleh putera." Setelah sudah baginda berfikir itu maka baginda pun keluar ke balai penghadapan.
- Maka segala menteri hulubalang yang ada duduk di balai itu, setelah dilihatnya baginda keluar itu, maka masing-masing pun bangun menyembah kepada baginda. Maka baginda pun bersemayam, dihadap oleh segala menteri hulubalang sekalian. Maka baginda pun bertitah kepada menterinya, katanya, "Hai sekalian menteriku, apa juga nestapaku tiada juga beroleh putera ini! Adapun akan segala raja yang besar-besar itu, jikalau tiada ia beroleh putera tiada bercahaya negerinya dan kuranglah masyhur negeri dan akan putera itulah yang jadi cahaya negeri."

Dipetik daripada Sastera Hikayat, *Raja Indera Maha Dewa Membuat Perjanjian dengan Raja Naga*

Nyatakan **dua** latar masyarakat berserta contoh yang terdapat dalam petikan prosa tradisional tersebut.

[4 markah]

7. Berhentilah ia seraya berper,
Bertitah kepada tiga menteri,
"Ayuhai menteri pergilah diri,
Carikan air bawa ke mari."

Dipetik daripada *Syair Bidasari*

Berikan maksud rangkap syair tersebut.

[4 markah]

8. ANNA: Dan sebagai isteri pengurus estet berbangsa Inggeris, ibuku yang tak berdosa itu pun dicurigai maka lalu ditembak? Ah, kasihan ibuku! Dia terkorban di tanah airnya sendiri. Ibuku yang tak bersalah apa-apa.
- ZAKI: Begitulah dengan ibuku, Anna, dia tidak bersalah apa-apa. Dia kasihkan aku sebagai anaknya dan kasihkan engkau sebagai menantunya. Dan amat kasihkan Tina, anak kita. Tapi, mengapa engkau seperti tak ...
- ANNA: Engkau menyediakan aku penderitaan, Zaki. Aku meninggalkan kebahagiaanku yang sebenar di England, meninggalkan *daddy*, meninggalkan pengajianku. Kalau tidak, aku sekarang sudah menjadi ahli ekonomi. Aku tinggalkan kampus universiti kerana engkau, Zaki. Tapi rupa-rupanya engkau punya tanggungjawab yang besar dan penting terhadap ibumu...

Dipetik daripada drama *Anna*
karya Kemala

Huraikan **satu** pandangan terhadap perwatakan Anna berserta contoh dalam petikan drama tersebut. [4 markah]

9. Ah, Rosa! Begitu emosi sekali dia mendedahkan rasa cintanya pada watan. Aku juga punya rasa patriotik pada tanah air, tetapi bukan demikian cara aku menyuburkannya. Pertentangan semangat cinta akan negara menegangkan ikatan seorang rafik dengan yang seorang lagi.
- Ini telahanku.
- Hanya kerana pulau itu. Siapa pun yang bakal mendominasi Pulau Batu Putih @ Pedra Branca itu akan merealisasikan strategi ketenteraannya semata-mata. Seperti mana Pulau-pulau Miniquiers dan Ecrehos yang menjadi rebutan antara United Kingdom dan Perancis pada sekitar tahun 50-an. Begitu juga Kepulauan Spratly yang diintai oleh negara-negara yang bersempadan laut dengannya di Asia Tenggara. Semuanya ada kepentingan ketenteraan. Selagi boleh, mahu dijadikan pangkalan tentera.

Dipetik daripada cerpen *Rindu Seorang Rafik*
oleh Nisah Hj. Haron

Nyatakan **satu** isu masyarakat berserta contoh dalam petikan cerpen tersebut. [4 markah]

10.

“Saya mungkin lebih beruntung,” kata Presiden. “Struktur masyarakat saya bergaris menegak. Sudah ribuan tahun, dalam masyarakat demikian, seorang ketua akan selalu dihormati. Dalam konteks kapitalisme pula, masyarakat seperti itu tidak suka kritikan, jadi saya selalu memuji mereka, hampir tanpa memberi apa-apa. Oleh sebab kemewahan bukan merupakan satu matlamat akhir kehidupan masyarakat Ogonshoto, kemewahan itu saya agihkan kepada orang-orang saya. Mereka yang segelintir ini, yang benar-benar tahu konsep pusingan untung dalam budaya kapitalisme. Semakin lama mereka berada dalam pusingan untung, semakin banyak peluang pekerjaan untuk rakyat, dan rakyat berpeluang memperbaiki pekerjaan mereka.”

Dipetik daripada novel *Naratif Ogonshoto*
karya Anwar Ridhwan

Berikan **satu** pola fikir presiden berserta contoh dalam petikan novel tersebut. [4 markah]

BAHAGIAN B

Soalan Esei

11. Baca syair di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya:

Syair Seratus Siti

Tersebut pula suatu perkataan,
Raja Malabari empunya kerajaan,
Sehari-hari bersuka-sukaan,
Rakyatnya banyak tiada terkian.

Bangsanya Ajam baginda itu,
Kerajaan besar bukan suatu,
Takluk banyak sudah tertentu,
Menghantar ufti sekalian ke situ.

Ada kepada suatu hari,
Baginda semayam di balai seri,
Dihadap sekalian hulubalang menteri,
Ramainya tidak lagi terperi.

Banyaknya tidak menderita,
Berlimpah sampai ke tepi kota,
Bahana gemuruh gegak gempita,
Menghadap baginda di atas takhta.

Lasykarnya banyak beribu laksa,
Penuh sesak segenap desa,
Negerinya makmur sangat sentosa,
Sehari-hari suka termasa.

Baginda melihat kebesarannya,
Sangatlah takbur pada rasanya,
Lalu bertitah kepada menterinya,
Aku nan siapa tara bandingnya.

Adakah raja terlebih kaya,
Daripada aku terlebih mulia,
Akulah raja di dalam dunia,
Terlebih daripada aku manakah dia.

Baiklah segera kamu berkata,
Kepada aku supaya nyata,
Aku nan hendak mendengar warta,
Adakah raja bermahkota.

Berdatang sembah seorang pahlawan,
Kaya tuanku tiada berlawan,
Serta adil dengan kelimpahan,
Rakyat tentera berkoyan-koyan.

- (a) Huraikan **tiga** gaya bahasa yang terdapat dalam syair tersebut. [6 markah]
- (b) Jelaskan **dua** pengajaran yang terdapat dalam syair tersebut. [6 markah]
- (c) Berdasarkan kreativiti anda, cipta **dua** rangkap syair yang bertemakan pemimpin yang adil. [8 markah]

12. Berdasarkan drama *Mat Piah dan Mr. Blackway* karya Mahizan Husain:

MAT PIAH: Ooo... patutlah tuan kata dia taik kerbau.

(MAT PIAH menyapu mukanya yang berpeluh dengan tuala Good Morning yang lasam yang melingkari lehernya. Dia memakai kemeja T dan seluar jeans lusuh. Kasut kanvas yang dipakainya sudah koyak rabak dan kotor. Wajah BLACKWAY jadi sedih semula. Tiba-tiba dia terdengar bunyi tengkingan enjin motosikal sayup-sayup dari jauh. Semakin lama bunyi itu semakin dekat disertai dengan puluhan cahaya lampu motosikal yang menyuluh ke arah BLACKWAY dan MAT PIAH. Mata BLACKWAY menjadi silau. Dia mengadangi pandangannya dengan tangan).

BLACKWAY: Bunyi apa itu? (Cemas lantas dia teringatkan sesuatu. Terus menjerit seperti orang hilang akal).

Dipetik daripada cerpen *Bukit Emas*
karya Mufidah Hanum Yusuf

- (a) Nyatakan **empat** cara pemakaian Mat Piah yang terdapat dalam petikan drama tersebut. [4 markah]
- (b) Huraikan **dua** nilai murni yang terdapat dalam keseluruhan drama *Mat Piah dan Mr. Blackway*. [8 markah]

BLACKWAY: Saya tinggal di sini lama.

MAT PIAH: Berapa lama?

BLACKWAY: Tiga ... (Cuba mengingat-ingat).

MAT PIAH: Tiga tahun?

BLACKWAY: No. Tiga ... (Masih cuba mengingat).

- (c) Berdasarkan kreativiti anda, sambung skrip drama dalam petikan tersebut supaya menjadi sebuah cerita yang menarik.

Skrip drama tersebut hendaklah **tidak kurang daripada enam dialog**. [8 markah]

13. Berdasarkan cerpen *Perspektif* karya NF Abdul Manaf, jawab soalan-soalan berikut:

(a) Jelaskan tema cerpen. [4 markah]

(b) Huraikan **dua** pandangan latar masyarakat dalam cerpen. [8 markah]

Di manakah kami yang telah menyokong suami puan selama ini? Kami masih di paras yang sama. Terkial-kial mencari ruang hidup. Tanah kami semakin habis tergadai. Kami tidak lagi kenal akan tempat tinggal kami.

(c) Berdasarkan kreativiti anda, sambung petikan cerpen tersebut supaya menjadi sebuah cerita yang menarik. Panjangnya sambungan petikan cerpen hendaklah **antara 80 hingga 100 patah perkataan**. [8 markah]

14. Baca sajak di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Kolek Bonda

Sebelum anak-anak datang
Pak Tua
berhati walang, terasa kolek bonda
akan diserang, ombak besar
dari seberang.

Ketika mereka tiba, Pak Tua
jaga bicara; kolek bonda
pintanya biar dijaga, jangan dijaja
kerana jati, merbau dan sutera
penahan gelora.

Ketika mereka keras meminta
Pak Tua
semburkan dinding kolek
dengan warna
semolek. Pak Tua kukuhkan
lantai kolek
dengan meranti sekelek. Dan
berkata tenang,
kolek bonda tahan gelombang
kolek bonda mampu menyeberang.

Sebelum anak-anak bersuara
Pak Tua
bergurindam hiba, dengan lagu jiwa
berpantun bonda. Anak-anak mula
marah, Pak Tua usungkan kolek
ke muara
kolek keliling dunia.

Di setiap benua, Pak Tua berseloka
kolek bonda lantainya jiwa
kolek bonda dindingnya bangsa
kolek bonda tahan gelora
kolek bonda membelah samudera.

Dan anak-anak kehilangan kata. Kolek
bonda
Pak Tua, berulang kali keliling dunia.

(PPUM, Kuala Lumpur)

Aminah Mokhtar
Jangan Kau Menangis, 2003
Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

- (a) Huraikan **empat** bentuk sajak tersebut. [8 markah]
- (b) Jelaskan **satu** unsur patriotisme yang terdapat dalam sajak tersebut. [4 markah]
- (c) Cipta sebuah sajak bertemakan **jasa wanita**. Panjangnya sajak hendaklah **antara 12 hingga 15 baris**. [8 markah]

15. Berdasarkan Sastera Panji, jawab soalan-soalan berikut:

Sang Nata adalah seorang ratu besar. Baginda mempunyai beratus-ratus hulubalang dan lasykar. Banyak negeri yang ditakluk ke bawah perintah baginda.

Di negeri Cempaka Jajar ada diperbuat oleh Baginda Sang Nata sebuah taman yang indah. Taman ini dipagar dengan kota batu. Di tengah kota batu itu ada sebuah kolam. Di sisi kolam itu ada dibina beberapa buah istana dan dalam istana-istana inilah Baginda Sang Nata menaruh segala puteri ratu-ratu yang takluk ke bawah perintah baginda. Puteri-puteri tawanan ini disuruh oleh Permaisuri bertenun kain.

Dipetik daripada Sastera Panji,
Bab 1: Raden Puspa Kencana

- (a) Nyatakan **empat** ciri taman indah yang dibina oleh Sang Nata dalam petikan prosa tradisional tersebut. [4 markah]
- (b) Huraikan **dua** sanjungan perwatakan Raden Menteri dalam prosa tradisional tersebut. [8 markah]
- (c) Jelaskan **dua** pola fikir Sang Nata dalam prosa tradisional tersebut. [8 markah]

16. Berdasarkan novel *Naratif Ogonshoto* karya Anwar Ridhwan, Sasterawan Negara:

Isyarat mata satelit itulah yang telah berkali-kali menolak Kawai Maru ke Jurang Marianas kerana ikan-ikannya atau ke pesisir Galapagos dan Nauru atas sebab yang sama. Malah bukan sekali, Kawai Maru berenang jauh hingga sampai mendekati Sala-y-Gomez pulau kecil di barat Chile, Komander di Rusia atau Pulau Campbell di New Zealand. Di Kawai Maru, ada beberapa orang nelayan kampung yang tidak mempercayai isyarat mata satelit semata-mata kerana tidak dapat membaca tanda-tanda di paparan komputer. Menurut mereka ini, ikan-ikan laut dalam yang mengeluarkan kuasa magnet apabila berenang berkumpul, dan kuasa itulah yang telah menyedut badan besi waja Kawai Maru.

Dipetik daripada novel *Naratif Ogonshoto*
karya Anwar Ridhwan

- (a) Nyatakan **empat** nama tempat yang sering dikunjungi oleh Kawai Maru untuk menangkap ikan. [4 markah]
- (b) Huraikan **dua** perwatakan Jeneral yang terdapat dalam novel tersebut. [8 markah]

Ketika dia diusung ke tempat yang tidak diketahuinya, terasa seperti berada dalam keranda, sedang dibawa orang, barangkali ke kuburan. Ke manakah perjalanan terakhir manusia di dunia ini, kalau tidak ke sana? Itulah perasaan yang menghantarnya ke dunia tanpa sedar semula.

- (c) Berdasarkan kreativiti anda, sambung petikan novel di atas supaya menjadi sebuah cerita yang menarik. Panjangnya sambungan petikan novel hendaklah **antara 80 hingga 100 patah perkataan**. [8 markah]